

Headline	Penggunaan tenaga elektrik meningkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	19
ArticleSize	85 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,611		



FENOMENA EL-NINO

Penggunaan tenaga elektrik meningkat

Kuala Lumpur: Cuaca panas kesan El Nino yang melanda negara menyebabkan permintaan elektrik di Semenanjung naik mendadak daripada 12,906 Megawatt (MW) pada 1 Januari lalu kepada 17,788 MW, semalam.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan berkata, dalam tempoh itu penggunaan tenaga elektrik meningkat sebanyak 37.8 peratus.

Cuaca panas pada siang hari meninggalkan kesan bahang sehingga awal pagi mempengaruhi tabiat penggunaan peralatan elektrik khususnya pendingin hawa, yang secara relatifnya menggunakan lebih banyak elektrik berbanding peralatan lain.

Secara amnya, penggunaan pendingin hawa lebih cenderung kepada penurunan suhu pada tahap lebih rendah serta meningkatkan kelajuan kipas pendingin hawa.

Mengikut kenyataan itu lagi, penggunaan pendingin hawa untuk tempoh lebih lama serta peralatan lama yang tidak diselenggara dengan baik juga boleh meningkatkan penggunaan tenaga elektrik.

Faktor berkenaan akan meningkatkan penggunaan elektrik secara mendadak, sekali gus memberi kesan ke atas bil elektrik pengguna.